

**Ucapan: 25/08/2017**

**Program Gemilang Walk 2017**

***Bismillahirrahmanirrahhim***

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam 1Malaysia Negaraku.

YBhg. Dato' Sri Zainal Rahim Bin Seman, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, dan

Semua penjawat awam yang saya hormati dan kasihi sekalian,

1. Alhamdulillah, bersyukur kita kehadiran Ilahi kerana di pagi yang indah ini kita penjawat awam dapat berkumpul dalam suasana yang penuh bersemangat, menyerlahkan ketinggian rasa patriotisma, kesepaduan, dan kekitaan yang begitu subur dan segar dalam jiwa kita semua.
2. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada KKMM dan semua Kementerian dan Jabatan yang telah berjaya menganjurkan inisiatif yang mulia ini. "Gemilang Walk" yang melibatkan lebih dari 4000 orang para penjawat awam, mengibarkan jalur gemilang berkonsepkan NBOS telah berjaya menyemarak dan menggelorakan perasaan bangga dan cinta yang mendalam terhadap tanah air kita Malaysia. Gelora rasa yang sedang berkemuncak ini diharapkan tidak hanya datang sekali sahaja tetapi akan tetap berkobar-kobar hingga ke akhir hayat kita. Berbekalkan semangat inilah, maka penjawat awam akan sentiasa sanggup untuk berkorban mempertahankan kedaulatan negara, dan terus berjuang dalam arena kepakaran masing-masing bagi memberikan perkhidmatan yang cemerlang kepada bangsa dan negara.
3. Sebagai tunjang dan tulang belakang kepada kejayaan pembangunan, penjawat awam harus terus menjuarai pelaksanaan usaha-usaha kerajaan bagi memastikan agenda dan aspirasi pucuk pimpinan negara dapat dicapai dalam masa yang ditetapkan. Semangat ini juga amat penting untuk dipupuk dan ditanam ke dalam hati sanubari penjawat

awam muda yang mempunyai peranan dan tanggungjawab penting dalam mencorakkan masa depan negara.

Para hadirin sekalian,

4. Saya difahamkan “Gemilang Walk” yang diadakan julung-julung kalinya pada tahun ini adalah merupakan salah satu dari puluhan acara sempena Sambutan Hari Kebangsaan 2017. Saya percaya bahawa acara-acara yang telah dilaksanakan sejak beberapa bulan yang lalu telah membawa impak kepada kumpulan sasar termasuk rakyat peringkat akar umbi. Program turun padang yang mendekatkan penjawat awam dengan rakyat semasa pelaksanaan acara-acara tersebut sudah tentu membantu merakyatkan perkhidmatan awam, dan sekali gus mampu menjadi benteng bagi menangkis pelbagai ancaman dan kebanjiran gejala negatif yang boleh meruntuhkan negara.
  
5. Sebagai penutup, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada semua yang terlibat dalam menjayakan “Gemilang Walk” pada pagi ini. Saya amat kagum dengan komitmen dan semangat kerjasama yang telah ditunjukkan dan sama-samalah kita berdoa agar perkhidmatan awam akan terus mencapai kecemerlangan.

**MERDEKA! MERDEKA! MERDEKA!**

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Sekian, terima kasih.

**©2017 Hakcipta Terpelihara Pejabat Ketua Setiausaha Negara**

Source: <https://www.ksn.gov.my/newsroom/content/speech/19119/Program-Gemilang-Walk-2017>